

Headline **Hapuskan Stigma AIDS berjangkit**
Date **13 May 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **222 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,780**
PRValue **29,340**



'Hapuskan stigma AIDS berjangkit'

KUALA LUMPUR: Masyarakat perlu dididik memahami bagaimana Sindrom Kurang Daya Tahan Badan (AIDS) boleh berjangkit bagi menghilangkan perasaan prejudis mereka terhadap mangsa terutama golongan kanak-kanak dan remaja.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata langkah proaktif dalam mengubah minda masyarakat melalui kempen menyayangi dan membantu pesakit AIDS dapat membantu mangsa menjalani kehidupan normal seperti kanak-kanak lain.

Beliau yang juga Penaung Yayasan AIDS Malaysia berkata, stigma masyarakat boleh menyebabkan mangsa dan keluarga tertekan untuk menghadapi masa depan.

"Stigma juga menyebabkan kanak-kanak dipinggirkan guru dan rakan di sekolah dan menyebabkan kanak-kanak HIV boleh dilihat di jalanan kerana tiada siapa mengambil berat mengenai mereka.

"Sebagai masyarakat bertanggungjawab, saya percaya dan yakin kita boleh membantu mengubah fahaman masyarakat dengan menentang diskriminasi terhadap mereka yang terpaksa hidup dengan HIV.

"Kita juga boleh mencetuskan persekitaran lebih terjamin terhadap remaja dan kanak-kanak dengan memastikan hak mereka dilindungi dan diberi rawatan serta sokongan diperlukan," katanya di majlis lawatan ke Rumah Perlin-



ROSMAH melihat Aiman Abdullah membaca buku di WAKE, semalam.

dungan Pertubuhan Wanita dan Kesihatan (WAKE 1) di sini, semalam.

Seramai 13 penghuni WAKE 1 ialah kanak-kanak dan remaja berusia lima hingga 17 tahun diraikan yayasan berkenaan dengan pelba-

gai acara menarik termasuk dibeberikan sumbangan hadiah.

Rosmah menggesa semua sektor korporat dan individu tampil memberi sumbangan dari segi kewangan mahu pun perkhidmatan bagi membantu golongan ini.